

## **KUANTAN MENJELANG ALAF BARU ABAD KE 21: ASPEK KEPENDUDUKAN DAN KUALITI HIDUP**

MOHD NOOR AWANG  
NOOR SHARIPAH SUTAN SAIDI, Ph.D  
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai, Johor

### **Abstrak**

*Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan aspek kependudukan dan kualiti hidup Kuantan menjelang abad ke 21. Tumpuan utama perbincangan ialah mengenai ciri-ciri utama kependudukan, aspek sumber tenaga manusia dan kualiti kehidupan, dilihat dari perspektif potensi, isu dan masalah di kawasan berkenaan. Kertas kerja ini adalah berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 1997. Perbincangan akan dibahagikan kepada :*

- **Senario Kuantan Selepas Tahun 2000.**
- **Aspek Kependudukan dan Sumber Manusia.**
- **Kualiti Hidup Penduduk.**
- **Strategi Pembangunan Masa Hadapan.**
- **Pelaksanaan.**

*Diharapkan kertas kerja ini akan dapat mencetuskan ide dan pemikiran kearah pembangunan Kuantan yang maju, menarik, dinamik, disamping menjamin tahap kualiti hidup yang tinggi selaras dengan matlamat negara kearah mencapai taraf negara maju menjelang abad ke 21.*

### **1.0 Pengenalan**

Kependudukan adalah merupakan salah satu aspek asas yang sangat penting dalam perancangan untuk satu-satu bandar atau satu-satu wilayah kerana penduduk adalah salah satu aset yang boleh menentukan tahap pembangunan bandar atau wilayah berkenaan. Apabila kita membincangkan aspek kependudukan banyak perkara yang harus dikaitkan dengannya dalam proses pembangunan dan kemajuan termasuk kemudahan sosial, kemudahan infrastruktur, pekerjaan, perumahan dan lain-lain lagi.

Perancangan untuk memajukan satu-satu bandar atau wilayah harus mengambil kira ciri-ciri penduduk seperti saiz, struktur umur dan lain-lainnya. Dalam membincangkan soal penduduk ramai orang berminat kepada ciri-ciri penduduk untuk 10 atau 15 tahun akan datang dan ramai pengkaji membuat unjuran tertentu mengenai bilangan penduduk dan ciri-ciri yang berkait dengannya.

Dalam membicarakan tentang penduduk dan kependudukan, profesion-profesion yang berbeza memberi penekanan kepada aspek yang berlainan. Seorang ahli demografi misalnya, akan membicarakan kependudukan dengan terperinci dari aspek-aspek bilangan, struktur umur, taburan, kepadatan, perpindahan dan lain-lain. Ahli ekonomi pula melihat kependudukan dari aspek tenaga buruh, pengangguran, kemahiran, golongan aktif ekonomi, jumlah penduduk dalam tanggungan dan sebagainya. Seorang ahli sosiologi pula akan memperkatakan aspek-aspek berhubung dengan strata sosial dan kemudahan masyarakat yang dibekalkan kepada penduduk dan sebagainya. Seorang pakar perubatan akan bercakap tentang aspek kesihatan, kelahiran, kesuburan penduduk dan aspek mortaliti. Manakala jururancang bandar akan menganalisis dan menggunakan semua maklumat-maklumat di atas dalam kebanyakan kerja-kerja merancang untuk jangkamasa panjang (10 hingga 15 tahun).

Aspek kependudukan dan kualiti hidup sangat berfaedah untuk difahami kerana kemakmuran satu-satu bandar sebenarnya sangat bergantung kepada bagaimana kualiti hidup penduduknya dapat ditingkatkan. Sebahagian besar dari kualiti hidup banyak bergantung kepada kualiti kemudahan, perkhidmatan dan infrastruktur yang dibekalkan.

Kertas ini akan melihat secara sepintas lalu aspek-aspek yang disebutkan di atas untuk memaparkan aspek kependudukan Kuantan dan akan cuba mengaitkan dengan kualiti hidup penduduk Kuantan pada masa hadapan.

## 2.0 Pertambahan Penduduk

### 2.1 Faktor-faktor Pertambahan Penduduk

Kadar pertambahan penduduk berbeza dari satu wilayah dengan wilayah lain, dari satu bandar dengan bandar lain bergantung kepada beberapa faktor termasuk faktor-faktor luar dari aspek kependudukan itu sendiri seperti pertumbuhan peluang-peluang pekerjaan, kualiti kemudahan perkhidmatan, kualiti persekitaran dan sebagainya. Jika dilihat hanya kadar pertumbuhan semulajadi, kebanyakan bandar mempunyai kadar pertumbuhan tahunan yang hampir sama. Tetapi yang jelas kebanyakan bandar

mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang berbeza-beza.

Ini menunjukkan bahawa faktor yang sangat mempengaruhi kadar pertambahan penduduk ialah faktor penghijrahan yang disebabkan oleh tarikan peluang-peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sebagai perbandingan untuk jangkamasa antara 1980 - 1990, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengalami kadar pertambahan penduduk 3.3 peratus, satu kadar yang sederhana untuk majlis perbandaran bertaraf ibu negeri; untuk jangkamasa yang sama, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) mempunyai kadar pertumbuhan 3.7 peratus. Kadar pertumbuhan untuk majlis-majlis perbandaran yang lain ialah Ipoh (2.5%), Alor Setar (2.0%), Kuala Terengganu (3.41%) dan Johor Bahru (5.9%). Perbezaan kadar ini menunjukkan daya tarikan relatifnya ke atas penduduk adalah berbeza yang seterusnya mempengaruhi kadar migrasi.

Pada tahun 1970 penduduk daerah Kuantan berjumlah 96,327 orang dan telah meningkat kepada 170,573 dalam tahun 1980 dengan kadar pertumbuhan 5.9 %. Bilangan ini telah meningkat kepada 255,974 orang dalam tahun 1990 dengan kadar pertumbuhan tahunan 4.1 peratus. Anggaran jumlah penduduk bagi daerah Kuantan untuk tahun 1995 ialah 310,078 orang (*Jadual 1.0 dan Rajah 1.0*)

**Jadual 1.0 : Jumlah penduduk Kuantan 1970 - 1995**


Kawasan	1970	KPT	1980	KPT	1990	KPT	1995
MPK	92,170	4.6	144,369	3.3	199,484	4.7	250,740
LMPK	4,157	20.2	26,204	8.0	56,490	1.0	59,338
Kuantan	96,327	5.9	170,573	4.1	255,974	4.0	310,078

\* MPK - Majlis Perbandaran Kuantan.

\*\* LMPK - Luar Majlis Perbandaran Kuantan.

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah, UTM 1997.

Rajah 1 : Tren Pertumbuhan Penduduk Kuantan 1970 - 1995



Berdasarkan kepada tren yang ditunjukkan oleh graf di atas, kadar pertumbuhan penduduk telah menurun untuk LMPK tetapi meningkat untuk MPK. Ini dapat dikaitkan dengan pertumbuhan peluang-peluang pekerjaan di sektor perkilangan/pengeluaran dan juga perkhidmatan. Penurunan kadar pertumbuhan penduduk di LMPK adalah berikutan dengan berkurangnya pertumbuhan aktiviti ekonomi di sektor perladangan di kawasan berkenaan.

Kadar pertumbuhan penduduk sesebuah ibu negeri juga ditentukan oleh tingkat kepesatan pembangunan bandar-bandar lain berhampiran yang bersaing, yang sebahagiannya dipengaruhi oleh polisi pembangunan kerajaan negeri dan lain-lain insentif serta kadar tumpuan projek-projek pembangunan baru oleh sektor-sektor awam dan swasta. Jika kerajaan negeri mempunyai polisi untuk memajukan bandar kedua atau ketiga terbesar di negeri berkenaan ianya boleh memberi kesan kepada kadar pertumbuhan penduduk di bandar utama disebabkan penyerakan peluang-peluang pekerjaan.

**2.2 Migrasi Penduduk**

Di masa-masa yang lepas migrasi bersih

merupakan salah satu sumber peningkatan penduduk untuk Kuantan. Untuk jangkamasa 1980-1991, migrasi masuk ke Kuantan telah direkodkan seramai 44,024 orang dan sebanyak 28.5% datangnya dari daerah-daerah lain di Pahang, manakala selebihnya dari lain-lain negeri di Malaysia. Pada masa yang sama terdapat seramai 32,669 migrasi keluar dari Kuantan dan kebanyakannya menuju pusat-pusat pekerjaan lain iaitu Selangor dan Terengganu. Terdapat juga perpindahan ke bandar industri lain di Pahang iaitu Pekan (2,224 orang) dan Temerloh (1,376 orang). (Rajah 2)

Jika Kuantan dapat memperkukuhkan peranannya sebagai pusat perkhidmatan dan perindustrian utama di negeri Pahang, dengan memudahkan proses kemasukan pelaburan baru samada dari segi perindustrian, pembangunan harta tanah dan perkhidmatan, Kuantan akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi dalam menarik pelabur. Keadaan ini bukan sahaja dapat membuka peluang-peluang pekerjaan baru malah dapat meningkatkan pendapatan isirumah dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi penduduk.



**2.3 Jangkaan Perubahan Penduduk**

Untuk jangka masa 10 hingga 15 tahun yang akan datang ada kemungkinan bahawa Kuantan akan dapat mengekalkan kadar pertumbuhannya yang tinggi seperti yang dialami pada dekad yang lepas (80an) atas beberapa sebab berikut :

- Pembukaan peluang-peluang pekerjaan baru seperti bandar MEC, pembesaran kawasan perindustrian Gebeng, penubuhan kawasan perindustrian (woodbase) di Gambang dan lain-lain.
- Pembangunan kemudahan membeli belah serta peluang pekerjaan di sektor perniagaan seperti Kuantan CBD (Mega Mall dan Kuantan Parade)
- Pembinaan Lebuh raya tol Kuala Lumpur - pantai timur yang dijangka akan dapat mengalirkan pelaburan-pelaburan baru dari Lembah Klang ke Kuantan serta dapat memendekkan masa perjalanan Kuantan - Kuala Lumpur kurang dari 3 jam.
- Projek perumahan yang telah diluluskan (tertanggung disebabkan kegawatan ekonomi) juga dijangka akan dapat menyediakan perumahan yang lebih baik dan dijangka akan membantu menarik pelaburan baru serta penduduk ke Kuantan. Projek-projek ini termasuk Bandar Baru Damansara, Perumahan Hong Leong dan sebagainya.

**2.4 Unjuran Penduduk**

Unjuran penduduk yang dibuat untuk bandar Kuantan adalah berdasarkan fakta semasa dan masa lepas. Angka yang ditunjukkan hanya semata-mata anggaran kerana seperti yang disebut sebelum ini pertumbuhan penduduk sebahagiannya bergantung kepada jumlah aliran masuk dan aliran keluar penduduk

iaitu sebagai fungsi persaingan antara bandar dan wilayah. Terdapat banyak wilayah-wilayah atau bandar-bandar lain yang mempunyai potensi untuk menarik penduduk sama ada di dalam atau di luar negeri Pahang. Jika Kuantan dapat mewujudkan fungsi-fungsi persaingan dan mengatasi faktor-faktor tarikan-tarikan yang terdapat di bandar-bandar lain, besar kemungkinan penduduk Kuantan akan bertambah dengan kadar yang sedia ada iaitu 4.7 peratus untuk MPK dan 4.0 peratus untuk LMPK. Antara faktor-faktor tarikan tersebut ialah :

- Peluang pekerjaan baru yang lebih banyak dan lebih menarik
- Keadaan perumahan yang lebih sesuai seperti kadar sewa yang sesuai, harga jualan yang lebih bersaing, persekitaran perumahan yang kemas dan teratur.
- Sistem pengangkutan yang lebih baik
- Kos sara hidup yang sederhana.
- Kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang lebih baik (kesihatan, pendidikan dan lain-lain)
- Sistem pentadbiran dan pengurusan MPK dan kerajaan negeri bersifat telus dan proaktif.
- kemudahan rekreasi dan hiburan yang lebih baik.


Unjuran yang telah dibuat menunjukkan bahawa Kuantan dijangka mempunyai penduduk seramai 498,026 orang pada tahun 2010 yang terdiri dari 420,346 orang dalam kawasan MPK dan 77680 orang kawasan LMPK (*Jadual 2.0 dan Rajah 3.0*).

**Jadual 2.0 : Unjuran Penduduk Kuantan (MPK & LMPK) Sehingga Tahun 2010**

Kawasan	1990	KPT	1995	KPT	2000	KPT	2005	KPT	2010
MPK	199484	4.7	250740	4.0	304778	3.5	361145	3.1	420346
LMPK	56490	1.2	59338	1.6	64083	1.7	69869	2.1	77680
Kuantan	255974	3.9	310078	3.5	368861	3.2	431014	2.9	498026

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah 1997

**Rajah 3 : Urutan Penduduk Kuantan (MPK & LMPK) sehingga Tahun 2010**



Dari segi struktur umur, tidak ada perbezaan nyata diantara Kuantan dengan bandar-bandar lain yang setaraf dengannya seperti Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Alor Setar. Taburan struktur umur untuk tahun 1990 seperti yang ditunjukkan oleh *Jadual 3.0* menunjukkan bahawa akan berlaku sedikit perubahan sehingga tahun 2010 di mana peratusan kumpulan umur 0 - 14 tahun mengecil 2.8 % manakala kumpulan umur 15 - 64 tahun dan 65 tahun ke atas masing-masing dijangka bertambah sebanyak 1.1 % dan 1.7%.

Perkara yang penting berhubung dengan struktur umur penduduk ialah bekalan peluang pekerjaan serta kemudahan dan perkhidmatan masyarakat yang diperlukan. Lebih ramai golongan tenaga aktif bermakna lebih banyak peluang pekerjaan, unit perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial dan masyarakat untuk golongan ini perlu disediakan untuk memastikan bahawa kesejahteraan penduduk terpelihara yang sekaligus mempengaruhi kualiti hidup.

**Jadual 3.0 : Struktur Umur Penduduk Kuantan 1990 dan Jangkaan Tahun 2010**

	1990	2010
0-14 tahun	40.30%	37.50%
15-64 tahun	57.20%	58.40%
>65 tahun	2.50%	4.30%

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UTM 1997

Sebenarnya Kuantan mempunyai eset yang sangat bernilai yang tidak dimiliki oleh kebanyakan bandar-bandar lain (ibu negeri) di Semenanjung Malaysia. Eset yang penting ini ialah alam fizikal semulajadi yang boleh dimajukan untuk pembangunan dan kemakmuran Kuantan. Antara eset yang sangat berpotensi ialah Sungai Kuantan, pantai dan hutan semulajadi.

Eset ini jika dimajukan dengan cermat dan teratur akan dapat meningkatkan kualiti alam sekitar sekaligus dapat membangunkan Kuantan dari segi destinasi pelancong yang akhirnya dapat membuka peluang pekerjaan baru, meningkatkan permintaan kepada perkhidmatan dan perdagangan dan memakmurkan ekonomi tempatan, yang mana akan mempengaruhi kualiti hidup penduduk Kuantan.

## 2.5 Penduduk Sebagai Eset

Penduduk merupakan satu eset yang sangat penting dan bernilai kepada satu-satu negara, wilayah atau pun bandar. Walau pun saiz itu penting (untuk mencapai satu saiz threshold untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan) tetapi yang lebih penting dari itu ialah kualitinya. Hanya negara, wilayah atau bandar yang mempunyai penduduk yang berkualiti akan dapat membangun pada kadar yang lebih cepat dalam jangkamasa yang lebih singkat. Penduduk yang berkualiti bermakna penduduk yang mempunyai taraf kesihatan yang tinggi, pendidikan serta penguasaan teknologi yang tinggi, moral dan disiplin yang tinggi, mempunyai komitmen dan berwawasan.

Selain dari perancangan yang kemas, teratur dan mempunyai nilai tambah yang tinggi, penduduk adalah penggerak kemajuan. Soalnya sekarang bagaimana untuk melahirkan penduduk yang berkualiti. Ramai pakar-pakar bersependapat bahawa peningkatan kualiti penduduk sangat berkait dengan kualiti infrastruktur yang dibekalkan dan persekitaran yang disediakan untuk mereka.

Ini bererti semua jenis kemudahan seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, serta lain-lain infrastruktur yang berkait dengan pembangunan insan perlu lengkap, senang dicapai (hampir) kepada penduduk. Kemudahan ini perlu bermutu bukan sahaja dalam aspek fizikal atau hardware sahaja tetapi dari segi isinya (software) harus sesuai.

## 2.6 Bandar Sejahtera

Perkara yang lebih penting dari angka ialah bagaimana Kuantan boleh menjadi sebuah bandar atau bandaraya sejahtera? Bandaraya sejahtera tidak bermakna bilangan penduduk tidak penting tetapi tidak semestinya mencapai angka yang sangat besar sehingga berjuta-juta orang. Lebih penting ialah dari segi bilangan ialah saiz threshold iaitu suatu bilangan untuk membolehkan bandar Kuantan menyediakan segala kemudahan dan infrastruktur pada kos yang ekonomik untuk mencapai kesejahteraan hidup.

Kalau dilihat dari segi susunan daerah mengikut saiz penduduk di Semenanjung Malaysia, Kuantan berada di tempat yang ke 18 dan kalau diambil saiz penduduk di antara ibu negeri, kedudukan hirarki Kuantan berada di

tangga yang ke 8 (tidak termasuk Kuala Lumpur sebagai ibu negara). Ini bermakna penduduk Kuantan secara relatifnya masih kecil.

Berdasarkan kepada hakikat bahawa bilangan penduduk Kuantan masih lagi kecil, Kuantan mempunyai peluang yang sangat baik untuk mencapai bandar sejahtera kerana masih banyak ruang untuk dirancang dengan baik dengan mengambil kira aspek-aspek kemudahan asas dan masyarakat yang dibekalkan kepada penduduk. Kesejahteraan boleh dicapai apabila perancangan pembangunan bandar dibuat dengan teliti, kemas dan teratur tanpa mengorbankan kualiti persekitaran dan pada masa yang sama memajukan potensi yang ada.

## 3.0 Kualiti Hidup

### 3.1 Konsep "Kualiti Hidup"

"Kualiti hidup" merupakan alat penting dalam mengukur dan menganggarkan pembangunan sesebuah negara. Mengikut Michael, P (1984) konsep itu bermaksud:

*"...to refer to either the conditions of the environment in which people live (air, water pollution, or poor housing for example) or to some attributes of people themselves such as health or educational achievements".*

Dalkey dan Rouke (1973) pula menyatakan :

*"...quality of life means a person's sense of well-being, his satisfaction or dissatisfaction with life, or happiness or unhappiness".*

Bourton (1977) pula mendefinisikan konsep kualiti hidup sebagai:

*"...an elusive concept which relates to something transcending the material concerns of everyday life".*

Definisi-definisi diatas jelas menunjukkan bahawa kualiti hidup merujuk kepada keadaan melibatkan 4 komponen utama yang mempengaruhi kehidupan iaitu dari segi **ekonomi, kualiti manusia, kesejahteraan alam persekitaran dan keharmonian perasaan.**

### 3.2 Ukuran Kualiti Hidup

Ahli ekonomi menekankan tentang pentingnya

ukuran **ekonomi** konvensional digunakan dalam menilai kualiti hidup kerana ekonomi adalah faktor utama yang menentukan kemampuan seseorang memenuhi keperluan hidup. Merrion (1968) menyatakan bahawa **tahap pendapatan** dan **taburan pendapatan** adalah ukuran-ukuran penting yang perlu diambil kira dalam menentukan kualiti hidup.

Ukuran ekonomi atau kebendaan walau bagaimana pun, tidak dapat memberi gambaran yang tepat mengenai kualiti hidup kerana ia tidak dapat memberi gambaran dari segi **dimensi psikologi** atau perasaan yang juga penting dalam menentukan kesejahteraan.

### 3.3 Petunjuk Kualiti Hidup

Pada umumnya terdapat 2 jenis petunjuk dalam menentukan kualiti hidup, iaitu petunjuk **objektif** dan **subjektif**. Petunjuk objektif (**hard measures**) menerangkan mengenai keadaan alam sekitar dimana penduduk tinggal dan bekerja, melibatkan isu-isu berhubung dengan **kemudahan-kemudahan seperti kesihatan, pendidikan, kemudahan riadah, dan perumahan**. Petunjuk objektif biasanya berasaskan kepada data-data statistik yang terkumpul.

Petunjuk subjektif pula menerangkan mengenai **pandangan atau penilaian** seseorang mengenai keadaan hidupnya. Penghasilan petunjuk ini memerlukan data-data subjektif yang menjelaskan mengenai pengertian terhadap keadaan objektif yang dialami oleh orang yang berkenaan.

Sebaik-baiknya kedua-ke dua jenis ukuran digunakan dalam menilai kualiti hidup, tetapi ini biasanya sukar dilakukan kerana masalah mendapatkan data subjektif yang lengkap dan komprehensif.

Satu perkara penting dalam mengkaji kualiti hidup ialah menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi atau petunjuk kualiti hidup. Kajian Moser (1970) menunjukkan bahawa perkara-perkara yang ditekankan oleh kebanyakan pengkaji dalam menilai kualiti hidup ialah : **mendapat makanan yang secukupnya, sihat, mempunyai perumahan yang baik, berpuashati dengan pekerjaan, mempunyai masa untuk beriadah, serta selamat** dari sebarang ancaman dan jenayah.

Drewnoski (1974) pula menyarankan bahawa kualiti hidup boleh diukur berdasarkan indeks

yang melibatkan aspek-aspek **pemakanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, riadah, keselamatan, alam sekitar sosial, dan alam sekitar fizikal**. Pacione, M (1984) menyatakan bahawa faktor-faktor persekitaran **sosial, politik dan alam sekitar fizikal** adalah diantara petunjuk-petunjuk penting dalam menilai kualiti hidup.

Kajian di Britain dan Amerika (Pacione, 1980) menunjukkan bahawa terdapat 5 petunjuk utama yang sering ditimbulkan oleh kebanyakan pengkaji dalam menentukan kualiti hidup iaitu: **perumahan, kesihatan, pekerjaan, taraf hidup dan riadah**.

### 4.0 Kualiti Hidup Semasa

Kualiti hidup di Kuantan selepas tahun 2000 banyak bergantung kepada tindakan pihak berkuasa tempatan pada masa kini. Bahagian ini akan membincangkan mengenai kualiti hidup di Kuantan dalam keadaan semasa untuk dijadikan asas dalam menentukan strategi pembangunan akan datang kearah meningkatkan kualiti hidup pada masa hadapan. Dalam konteks ini, kualiti hidup dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut :

- i) Pendapatan.
- ii) Keadaan Perumahan.
- (iii) Kemudahan Sosial dan Utiliti.
- (iv) Alam Sekitar Fizikal.

Analisis yang dibuat hanyalah berdasarkan kepada ukuran objektif kerana ketiadaan data subjektif yang lengkap dan menyeluruh.

#### 4.1 Masalah Agihan Pendapatan dan Kemiskinan

Pendapatan adalah merupakan elemen terpenting dalam mempengaruhi kualiti hidup kerana ia mempengaruhi secara langsung kemewahan, kesenangan dan keselesaan hidup seseorang atau keluarga. Tahap pendapatan yang tinggi lebih menjamin peluang seseorang mendapatkan pemakanan, pendidikan, kesihatan dan status sosial yang lebih baik. Masalah utama berhubung dengan pendapatan yang sering dikaitkan dengan kualiti hidup ialah **kemiskinan**.

Kawasan kajian menunjukkan agihan pendapatan yang tidak seimbang **diantara kawasan** dan **diantara kaum**.



Struktur pendapatan kawasan kajian menunjukkan bahawa majoriti penduduk berpendapatan kurang dari RM800.00 sebulan dan hanya sebilangan kecil sahaja berpendapatan melebihi RM2000.00 sebulan

(Jadual 4). Pendapatan yang rendah mempengaruhi kemampuan penduduk untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa.

**Jadual 4 : Agihan Pendapatan Isirumah, 1990.**

Pendapatan Bulanan (RM)	MPK (%)	LMPK (%)
400 dan ke bawah	9.1	23.8
401 - 600	16.5	33.2
601 - 800	17.3	20.0
800 - 1000	12.3	8.6
1001 - 1500	19.2	9.5
1500 - 2000	11.7	2.9
2001 - 2500	5.6	1.9
Melebihi 2500	8.3	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pendapatan Pertengahan	1132	644


Sumber : Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UTM 1997

**Jadual 5 : Agihan Pendapatan Ketua Isirumah Mengikut Mukim, 1991.**

Mukim	<RM350	%	RM351-700	%	>RM700	%	Jumlah
Kuala Kuantan	6129	63.2	4404	67.2	1187	69.0	11720
Penor	800	8.2	386	5.8	41	2.4	1227
Sungai Karang	721	7.4	1046	16.0	282	16.3	2049
Ulu Lepar	776	8.0	311	4.7	39	2.3	1126
Ulu Kuantan	1279	13.2	411	6.3	171	9.9	1861
<b>Jumlah</b>	<b>9705</b>	<b>100</b>	<b>6558</b>	<b>100.0</b>	<b>1720</b>	<b>100</b>	<b>17983</b>

Sumber : Pejabat Daerah Kuantan, 1995 \* Tidak Termasuk Mukim Besarah

**Rajah 4 : Agihan Pendapatan Ketua Isirumah Mengikut Mukim, 1991.**



Ketidak seimbangan pendapatan mengikut kaum juga wujud dimana lebih banyak peratusan kaum Melayu dan India

berpendapatan kurang RM400.00 sebulan berbanding dengan kaum Cina. (Jadual 6)

**Jadual 6: Agihan Pendapatan Isirumah Mengikut Kaum**

Pendapatan Bulanan (RM)	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
400 dan ke bawah	13.5	8.4	14.7	0.0
401 - 600	21.9	14.7	16.1	75.0
601 - 800	18.4	18.2	10.7	0.0
800 - 1000	12.1	10.8	8.9	0.0
1001 - 1500	18.5	19.6	30.4	0.0
1500 - 2000	9.7	10.8	8.9	0.0
2001 - 2500	3.8	7.0	7.1	0.0
Melebihi 2500	5.1	10.5	5.4	25.5
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pendapatan Pertengahan	964	1196	1105	1063

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UTM 1997

**Jadual 7: Kemiskinan Di Kuantan Mengikut Mukim, 1995.**

Mukim	Bilangan (Keluarga)	Peratus (%)
Beserah	19	11.31
Ulu Kuantan	16	9.52
Ulu Lepar	2	1.19
Kuala Kuantan	82	48.81
Penor	35	20.84
Sungai Karang	14	8.33
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UTM 1997

Kemiskinan adalah merupakan faktor utama yang menjejaskan kualiti hidup. Masalah ini paling ketara di kawasan luar Majlis Perbandaran, yang secara umumnya berasaskan ekonomi desa. Mukim Kuala Kuantan merupakan kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan paling tinggi, diikuti oleh Mukim Penor dan Mukim Baserah. Bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk, usaha-usaha kearah meningkatkan peluang dan sumber pendapatan penduduk di kawasan-kawasan berkenaan perlu dipergiat.

**4.2 Masalah Perumahan**

Pendapatan yang berbeza mempengaruhi kualiti tempat tinggal yang termampu oleh penduduk. Pada umumnya kualiti hidup yang berbeza dialami oleh penduduk yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi yang berlainan. Di kawasan kajian, kawasan perumahan yang menunjukkan kualiti hidup yang kurang memuaskan ialah kawasan

*setingan, perkampungan tradisional, perkampungan Orang Asli* dan kawasan bandar yang memerlukan pembangunan semula.

**i) Kawasan Setingan**

Kawasan setingan adalah kawasan kediaman yang didirikan tanpa mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan. Kawasan ini biasanya wujud dalam keadaan yang tidak teratur, tidak mengikut piawai perancangan dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan yang diperlukan. Kajian pihak Majlis Perbandaran Kuantan (1993) mendapati kebanyakan setingan mendiami kawasan bandar dan menimbulkan banyak masalah alam sekitar serta halangan terhadap pembangunan.

Kajian (UTM,1997) menunjukkan bahawa terdapat 4 kawasan setingan di sekitar Daerah Kuantan, tiga (3) darinya di Mukim Kuala

Kuantan dan satu (1) di Baserah. Kualiti hidup di kawasan-kawasan berkenaan adalah tidak memuaskan. Kajian menunjukkan terdapat 77.6% daripada rumah berkenaan berada dalam keadaan buruk, 22.4% sederhana dan tiada rumah yang dalam keadaan baik.

Dari segi kemudahan, hanya 45% dari rumah-rumah berkenaan menerima bekalan air paip, 75% menggunakan tandas curah dan kebanyakannya menggunakan sungai sebagai tempat buangan sampah. Kawasan setinggi juga merupakan kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi dimana 95% daripada isi rumahnya berpendapatan kurang RM750 sebulan.

#### **ii) Perkampungan Orang Asli**

Masalah kualiti hidup yang rendah turut dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Kajian menunjukkan bahawa hanya 71% dari perkampungan berkenaan mendapat bekalan elektrik dan hanya 29% mendapat bekalan air paip.

#### **iii) Perkampungan Tradisional**

Perkampungan tradisional turut menghadapi masalah kualiti hidup yang rendah terutamanya berpunca dari masalah kemiskinan, sistem perhubungan yang tidak memuaskan, kekurangan kemudahan sosial yang diperlukan dan masalah pencemaran alam sekitar. Sebahagian penduduk di pedalaman masih belum mendapat bekalan elektrik dan ada juga yang mendapat bekalan hanya selama 12 jam sahaja sehari. Terdapat juga penduduk terutama di kawasan pedalaman dan perkampungan Felda yang belum menikmati bekalan telefon.

#### **iv) Kawasan bandar**

Kepesatan pembangunan bandar turut memberi ancaman terhadap kualiti hidup. Pertambahan bilangan penduduk serta kepesatan proses perbandaran menyebabkan permintaan terhadap keperluan kemudahan bandar dan utiliti meningkat. Kepadatan yang meningkat memerlukan lebih banyak ruang beriadah manakala sistem infrastuktur yang lama dan usang di beberapa kawasan bandar memerlukan penggantian dan pembangunan semula.

### **4.3 Masalah Kemudahan Sosial dan Utiliti**

Selain dari kualiti unit rumah, kualiti sesuatu kawasan perumahan dipengaruhi oleh berbagai kemudahan yang diperlukan oleh penduduk.

Isu dan masalah sosial yang dikenalpasti di Kuantan ialah kemudahan yang tidak dapat menampung keperluan pengguna yang semakin bertambah dan masalah lokasi kemudahan yang kurang sesuai terutama bagi sekolah rendah. Kawasan rekreasi didapati kian berkurangan berbanding dengan pertambahan penduduk.

Kajian (1997) menunjukkan bahawa isu dan masalah kemudahan sosial semasa tidak banyak berbeza dengan kajian Rancangan Struktur (1989), iaitu kekurangan ruang, pembangunan yang tidak menepati piawai perancangan, lokasi yang tidak sesuai, serta tidak dapat memenuhi piawai perancangan yang ditetapkan.

Rancangan Struktur Kuantan (1990) telah mengunjurkan keperluan-keperluan tambahan bagi pendidikan; kesihatan, perkhidmatan polis, bomba, pos, rekreasi, perpustakaan, serta kemudahan keagamaan. Walau bagaimana pun, sehingga tahun 1997 hanya 10-20% sahaja cadangan-cadangan berkenaan yang dapat dilaksanakan.

Diantara masalah utiliti yang dikenalpasti ialah kesukaran mendapatkan bekalan air terutamanya kawasan perdagangan lama yang mengalami kesukaran disebabkan oleh sistem paip yang sudah lama dan tekanan air rendah.

Selain dari itu, masalah kemampuan saliran parit dan pembentungan turut ditimbulkan oleh penduduk kerana pembetulan semasa tidak dapat menampung pembangunan semasa menyebabkan berlakunya berbagai masalah seperti pencemaran dan banjir.

### **4.4 Masalah Alam Sekitar Fizikal**

Masalah pencemaran alam sekitar di Kuantan turut menjejaskan kualiti hidup penduduk dan sekiranya tidak diambil perhatian boleh menjejaskan kesejahteraan. Kajian menunjukkan bahawa masalah pencemaran didapati lebih ketara pada tahun 1997 berbanding dengan tahun 1990.

Selain pencemaran udara, pencemaran bunyi didapati turut meningkat, kebanyakannya

berpunca dari pertambahan bilangan kenderaan bermotor, industri, perubahan gunatanah dan urbanisasi.

Perkembangan industri di Gebeng, Semambu, Bandar MEC dan lain-lain industri kecil yang bertaburan menjana berbagai elemen pencemaran dan bahan buangan yang memerlukan tindakan kawalan dan pelupusan yang sewajarnya. Penjana bahan-bahan kimia yang merbahaya perlu diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya agar tidak membahayakan kehidupan.

Pertambahan penduduk akan juga menambah kuantiti pembuangan sisa. Masalah pencemaran air terutamanya sungai Kuantar dan kawasan-kawasan berhampiran dengan pantai dijangka meningkat dan boleh menimbulkan gangguan kesihatan. Oleh itu perancangan yang teliti terhadap sistem pemetungan dan sistem pembuangan pepejal adalah sangat diperlukan.

## 5.0 Strategi Meningkatkan Kualiti Hidup

Dalam usaha mencapai matlamat taraf negara maju, Kuantar perlu meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Usaha ini perlu dilaksanakan secara bersepadu melibatkan pembangunan dari segi **sosio-ekonomi**, **pembangunan fizikal** dan **kawalan** kearah mewujudkan **pembangunan mampan**.

### 5.1 Bagaimana Kualiti Hidup Boleh Ditingkatkan

Seperti mana aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia, kualiti hidup juga boleh ditingkatkan melalui banyak pendekatan. Apa yang perlu dilihat dalam konteks peningkatan kualiti hidup ialah faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, dan siapa yang mempunyai kawalan ke atas faktor-faktor ini. Faktor-faktor yang dimaksudkan ialah :

**Pendapatan** - pendapatan sangat mempengaruhi kuasa beli masyarakat. Pendapatan yang tinggi boleh digunakan untuk memenuhi keperluan asas dan keperluan mewah untuk dinikmati. Oleh itu usaha menambah pendapatan bagi mengatasi masalah kemiskinan seharusnya diusahakan secara berterusan.

**Kesihatan** - tahap kesihatan seseorang, atau keluarga, adalah penting dan perlu diambil perhatian sewajarnya oleh semua pihak.

**Tahap pendidikan formal** - tahap pendidikan yang tinggi akan lebih banyak memberi peluang kepada seseorang untuk mendapat pendapatan yang tinggi, menjawat jawatan yang lebih baik serta lebih berupaya untuk memberi pendidikan kepada ahli keluarga dengan lebih sempurna.

**Masa/riadah** - masa yang sangat membantu individu untuk merasa selesa, senang serta suasana yang boleh menambahkan ketenangan fikiran dan meningkatkan kesihatan.

**Keselamatan** - faktor ini penting untuk memastikan individu atau masyarakat bebas daripada kerisauan, rasa tertekan dan perasaan bimbang yang boleh mengganggu fikiran dan kesihatan.

**Persekitaran fizikal** - persekitaran fizikal yang baik, seperti persekitaran semulajadi pokok, sungai, laut, binatang-binatang) dapat memberi suasana yang nyaman, tenang dan selesa, berbanding dengan alam sekitar buatan manusia.

**Persekitaran sosial** - persekitaran sosial lebih berupa persekitaran masyarakat seperti bagaimana masyarakat berinteraksi, bagaimana strata sosial diadakan dalam satu-satu komuniti, bagaimana institusi-institusi sosial berperanan dalam menggerakkan pergaulan yang baik perlu diwujudkan.

**Infrastruktur sosial** - infrastruktur sosial antara lain ialah kemudahan-kemudahan masyarakat seperti tempat-tempat beribadat, tempat-tempat beriadah / rekreasi / bersukan serta lain-lain tempat hiburan perlu diadakan.

**Infrastruktur fizikal** - infrastruktur fizikal termasuk jalan-jalan perhubungan, telekomunikasi, bekalan elektrik, air, saliran dan sebagainya. Perkara ini sangat memberi kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat.

**Pendidikan informal** - pendidikan informal banyak membantu dari segi kawalan perasan, rasa bersyukur, perasan prihatin, timbang rasa, tanggungjawab, disiplin dan sebagainya. Faktor-faktor ini sebenarnya boleh menolong menenangkan fikiran, rasa kepuasan dan

kebahagian, yang akhirnya boleh mempengaruhi kualiti hidup.

## 5.2 Pihak Bertanggungjawab

Persoalan yang seterusnya, siapakah yang mengawal faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas? Jika kita dapat mengenalpasti siapa yang mengawal atau bertanggungjawab kepada faktor-faktor ini, maka adalah senang untuk kerja merancang dalam meningkatkan kualiti hidup satu-satu masyarakat.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, ternyata bahawa pihak berkuasa dan setiap keluarga mempunyai peranan masing-masing dalam meningkatkan kualiti hidup. Pihak berkuasa sama ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan negeri atau kedua-dua sekali mempunyai tanggungjawab yang khusus dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dalam peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Persekitaran yang kondusif memberi erti yang luas antara lain termasuk persekitaran, perumahan atau kejurangan yang baik melalui proses-proses perancangan yang kemas, serta mengambil kira atau menggunakan konsep atau doktrin perancangan sejagat. Doktrin perancangan sejagat memberi penekanan perhubungan tiga segi iaitu :

- i) Perhubungan pencipta dengan manusia.
- ii) Perhubungan manusia dengan manusia.
- iii) Perhubungan manusia dengan alam sekitar.

Dalam konteks tersebut peranan PBT atau kerajaan negeri harus memberi penumpuan kepada perkara-perkara berikut :

Peningkatan kualiti alam sekitar atau alam semulajadi melalui berbagai konsep contohnya perumahan dalam taman, industri dalam taman dan taman dalam premis industri dan sebagainya. Konsep-konsep ini boleh dilaksanakan melalui arahan-arahan atau garis panduan perancangan yang sesuai sehingga pembangunan yang berlaku tidak mengorbankan persekitaran semulajadi. Masyarakat akan dapat menikmati pendapatan yang lebih tinggi dari kilang-kilang atau pekerjaan di sektor industri disamping dapat menikmati persekitaran yang berkualiti di tempat pekerjaan atau dikawasan perumahan sehingga meningkatkan kualiti kehidupan.

Peningkatan kualiti persekitaran kejurangan boleh dicapai melalui pelbagai program sosial dan kebajikan yang di anjurkan oleh PBT atau kerajaan negeri.

Pemisahan kawasan perumahan antara kos rendah dan kos tinggi tidak harus dilakukan atau diamalkan supaya integrasi sosial dapat dipupuk dan golongan berpendapatan rendah tidak merasa tersisih dalam satu masyarakat yang lebih besar. Amalan semasa menampakkan terdapat kecenderungan di mana flat-flat, perumahan kos rendah sering dipisahkan dan ditempatkan dikawasan yang tidak strategik sehingga pergaulan antara golongan berpendapatan rendah dengan golongan berpendapatan tinggi tidak berlaku. Polarisasi boleh persepaduan dikalangan penduduk.

Satu pendekatan baru yang menggabungkan golongan-golongan masyarakat perlu diamalkan dan PBT boleh memainkan peranan berkesan melalui garis panduan perancangan atau arahan-arahan perancangan yang diamalkan untuk memperbaiki perkara ini.

Kualiti hidup dapat ditingkatkan melalui penggunaan masa lapang yang berkesan terutama untuk semua ahli keluarga atau ahli masyarakat. Tempat-tempat riadah yang baik, berkualiti dan bersesuaian adalah diperlukan supaya masyarakat dapat menikmati masa lapang dengan sempurna dan menjadikan ikatan masyarakat, ikatan keluarga semakin kukuh serta kualiti kesihatan bertambah, masalah tekanan jiwa atau 'stress' juga berkurangan.

Perkara penting yang tidak harus dilupakan di dalam penyediaan tempat-tempat riadah dan hiburan ialah keutamaan (priority).


Selain daripada kualiti dan penjagaan yang baik ke atas tempat-tempat kemudahan riadah dan rekreasi, PBT harus juga memberi prioriti yang betul atau sewajarnya dalam penyediaan jenis-jenis tempat riadah supaya kemudahan-kemudahan ini mendatangkan manfaat kepada penduduk dan bukan sebaliknya. Keutamaan dalam konteks ini ialah dari segi jenis kemudahan riadah yang sesuai dibekalkan. Jika PBT terlalu mementingkan pendapatan, dan mengeluarkan terlalu banyak lesen-lesen hiburan karaoke, boleh membawa kepada pelbagai gejala sosial yang turut menjejaskan keharmonian masyarakat dan kualiti hidup.

**Bibliografi**


1. Burton, R. (1977). "Leisure and the Social Services" dalam "**Leisure and the Quality of Life: A Report on Four Local Experiments**". London.
2. Dalkey, N.C and Rouke, D.L (1973). "The delphi procedure and rating quality of life factors" dalam "**Experimental Assessment of Delphi Procedures with Group Value Judgement**". Rand Corporation, California.
3. Drewnowski, J. (1974). **On Measuring and Planning the Quality of Life**. The Hague.
4. **Rancangan Struktur (Pengubahan) Kuantan**. Pelajar Tahun 3 SPBW, Fakulti alam Bina (1997). Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, UTM, Skudai, Johor.
5. Moser, C (1970). "**Measuring the Quality of Life**" New Society.
6. Pacione, M (1984) "**Quality of Life and Human Welfare**". Royal Scottish Geographical Society, England.

**LAMPIRAN**

**PIRAMID PENDUDUK MPK 1995-2010**  
 PENDUDUK KESELURUHAN 1990




**PENDUDUK KESELURUHAN 2000**



**LELAKI**  
**PENDUDUK KESELURUHAN 1995**




**LELAKI**  
**PENDUDUK KESELURUHAN 2005**




**PIRAMID PENDUDUK LMPK 1995-2010**

PENDUDUK KESELURUHAN 2005



PENDUDUK KESELURUHAN 2010



PENDUDUK KESELURUHAN 1995



PENDUDUK KESELURUHAN 2000

